

Pemilik blog tidak 'kalis' undang-undang

B# - 25 / 1 / 2007

Tindakan saman tak jejas hak kebebasan bersuara: Peguam

Oleh Sazarina Shahrim

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak berpendapat tindakan undang-undang terhadap pengendali laman forum atau blog di internet, tidak akan menjejaskan hak kebebasan bersuara atau bermaklumat di negara ini.

Mereka berpendapat, tindakan itu malah dapat membantu memastikan pengendali laman forum atau blog supaya lebih bertanggungjawab terhadap kandungan bahan yang disiarkan bagi mengelak sebarang implikasi negatif.

Ia berikutan tindakan pengendali blog yang menyebarkan fitnah tanpa bukti kukuh boleh memberi implikasi negatif besar bukan saja kepada individu atau sesebuah organisasi, tetapi juga negara.

Presiden Majlis Peguam Malaysia, Yeo Yang Poh, berkata sebarang bentuk sebaran fitnah sama ada dari segi percakapan atau penulisan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Hasutan.

Beliau berkata, mangsa yang di-

fitnah sendiri perlu membuktikan bahawa sebaran terbabit mempunyai unsur fitnah sebelum proses pendakwaan di mahkamah boleh dibuat.

Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Zainul Rijal Abu Bakar, berkata tindakan undang-undang terhadap pengendali laman forum atau blog boleh dibuat kerana kebebasan bersuara bukan sesuatu yang mutlak dan perlu mempunyai had.

"Jika kebebasan bersuara sehingga menafikan hak orang lain, itu tidak betul dan dalam Islam sendiri, kesalahan memfitnah itu adalah lebih berat daripada membunuh," katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pemilik laman forum atau blog tidak bebas daripada dikenakan tindakan undang-undang serta harus bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan.

Perdana Menteri berkata, walaupun kerajaan berpegang kepada dasar tidak menapis kandungan di internet, pengendali blog harus memahami ada undang-undang fitnah dan hasutan yang boleh dikuatkuasakan.

"Mereka tidak boleh menyembunyikan diri atau mengambil kesempatan melakukan sesuatu melanggar undang-undang. Mereka harus tahu dan tidak boleh melindungi serta berharap dilindungi dengan perlindungan tertentu.

Abdullah berkata, media sama ada cetak, elektronik dan internet termasuk pemilik laman blog mempunyai tanggungjawab dan beliau tidak mahu wujud kebebasan tanpa tanggungjawab kerana ia akan membawa kehancuran.

Perdana Menteri berkata demikian mengulas tindakan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) dan pegawai kanannya memfailkan saman fitnah terhadap Ahirudin Attan dan Ooi Chuan Aun berhubung beberapa artikel dalam laman blog mereka.

NSTP dan plaintif lain - Timbalan Pengerusinya, Datuk Kalimullah Hassan; Ketua Eksekutif, Datuk Syed Faisal Albar; Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Hishamuddin Aun dan bekas Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Brendan Pere-

ira, memfailkan saman itu di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, 4 Januari lalu.

Mengikuti laporan akhbar, kedua-dua saman fitnah itu dikemukakan berhubung beberapa artikel dan komen yang disiarkan atau dibenarkan untuk disiarkan oleh Ahirudin dan Ooi dalam laman blog masing-masing.

Sementara itu, seorang peguam, Hasnal Rezua Merican berkata, pengendali blog tidak boleh berpendirian bahawa mereka beroperasi dengan mendapat kebebasan mutlak tanpa mengendahkan undang-undang negara.

"Ia sama dengan penulis buku yang masih tertakluk kepada Akta Fitnah. Ini tidak bermakna, kalau disaman kerana melanggar undang-undang mereka boleh mempertikaikan kononnya ia melanggar hak kebebasan bersuara," katanya.

Beliau berkata, kalau pengendali blog meminta imuniti seperti itu atas nama kebebasan bersuara, ia boleh menyebabkan penyebaran fitnah berleluasa seterusnya mencetus pelbagai masalah.